

MAHATHIR

1972

KUALA LUMPUR, 22 APRIL (BERNAMA)--TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR MOHAMED MALAM INI MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN TETAP SANGGUP MENERIMA TEGURAN DAN MEMBETULKAN DIRI BILA-BILA SAHAJA ASALKAN KEPENTINGAN PERNIAGA BUMIPUTRA TERPELIHARA DALAM KONTEK PEMBANGUNAN NEGARA YANG TERUS MAJU.

TETAPI, MEMPERBETULKAN KERAJAAN SAHAJA TIDAK AKAN MENJAMIN TERCAPAINYA MATLAMAT EKONOMI BARU, TEGASNYA KETIKA BERUCAP DI MAJLIS MAKAN MALAM DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA, CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN, DI SINI.

KATANYA, PENIAGA DAN PENGUSAHA BUMIPUTRA TIDAK AKAN MENJADI PENIAGA DAN PENGUSAHA SEMATA-MATA KERANA KERAJAAN MEMBENTUK DASAR DAN MENYEDIAKAN KEMUDAHAN.

TIDAK DAPAT DINAFIKAN BAHAWA WALAUPUN SEMUA KEMUDAHAN DAN BANTUAN TELAH DIBERI, SERTA PERSAINGAN DIHALANG, MASIH RAMAI PENIAGA BUMIPUTRA YANG GAGAL DAN KEGAGALAN INI DISEBABKAN OLEH MEREKA SENDIRI, KATANYA.

ANTARA SEBAB-SEBABNYA IALAH SIKAP BOROS DAN TIDAK PINTAR MENGURUS PERNIAGAAN. --BERSAMBUNG 2032/MD

EE

B669

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MENYERU MEREKA SUPAYA MEMBETULKAN SIKAP ITU DAN BERHARAP TEGURAN YANG JUJUR ITU TIDAK AKAN MEMBUAT MEREKA MELENTING.

+KERAJAAN TIDAK MELENTING BILA DITENGUR. KERAJAAN CUBA MEMBETULKAN DIRI. SAMA-SAMALAH KITA MEMBETUL YANG TIDAK BETUL,+ KATANYA.

DR. MAHATHIR BERKATA, OLEH KERANA TAKUT DIMARAHAI TIDAK SIAPA YANG MAHU MENEGUR SIKAP TERSEBUT, DAN JIKA MASAALAH KURANG KEPINTARAN INI TIDAK DI BERI PERHATIAN KESANNYA IALAH LEBIH BANYAK LAGI KEGAGALAN.

MARILAH KITA SINGKIRKAN FALSE PRIDE DAN HADAPI HAKIKAT YANG SEBENAR. SELAGI KITA TUTUPKAN MATA KEPADA PERKARA-PEKARA YANG MEMERLUKAN TINDAKAN KITA SENDIRI, SELAMA ITULAH KITA AKAN GAGAL,+ KATANYA.

BELIAU SETERUSNYA MENASIHATKAN PENIAGA BUMIPUTRA SUPAYA JANGAN MENGGUNAKAN KESEMPATAN MENEGUR KERAJAAN SEBAGAI ALASAN TERHADAP KEGAGALAN SENDIRI. --BERNAMA 20 6/MD